

BH 12.03.2008 m/s 1

56,896 calon STPM lulus penuh



HASIL BERBALOI: Pelajar cemerlang dan terbaik bergambar bersama anugerah masing-masing pada majlis Pengumuman Keputusan Peperiksaan STPM dan Pelajar Cemerlang STPM dan Muet 2007, semalam.

**Oleh Syuhada Choo Abdullah
dan Umi Nadirah Abdul Rahman**

KUALA LUMPUR: Seramai 56,896 atau 91.62 peratus daripada 66,047 calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2007, lulus penuh atau peringkat prinsipal bagi sekurang-kurangnya satu subjek, meningkat 0.75 peratus berbanding 90.87 peratus pada tahun sebelumnya.

Daripada jumlah itu, 3,687 atau 5.94 peratus calon lulus penuh lima subjek, 23,101 (37.2 peratus) empat subjek, 12,418 (20 peratus) tiga subjek, 9,234 (14.87 peratus) dua subjek serta 8,456 (13.62 peratus) satu subjek.

Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Prof Datuk Dr Dzulkifli Abdul Razak, berkata 386 calon memperoleh prinsipal A dalam semua subjek yang diambil, iaitu 25 calon mendapat lima subjek dan 361 mendapat empat subjek.

Semua calon yang cemerlang dalam lima subjek itu adalah dari sekolah bandar mencakupi 15 pelajar aliran sains dan 10 lagi sastera.

Beliau berkata, bilangan itu merosot berbanding 34 calon mendapat prinsipal A dalam lima subjek dan 414 memperoleh keputusan sama bagi empat subjek yang diambil pada 2006.

Dzulkifli berkata, 59 calon lagi mendapat empat A daripada lima subjek yang diambil, juga merosot

berbanding 63 pelajar pada tahun sebelumnya.

“Secara umum, prestasi calon memperoleh keputusan purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.00 atau lebih pada kali ini rendah sedikit, berbanding 2006,” katanya pada sidang media di sini, semalam. Hadir sama, Ketua Eksekutif MPM, Omar Abu Bakar.

Berdasarkan keputusan STPM 2007, hanya 1.15 peratus calon mendapat PNGK 4.00 berbanding 1.19 peratus tahun sebelumnya. 10.66 peratus memperoleh PNGK 3.50 berbanding 11.14 peratus pada 2006 dan 32.11 peratus meraih PNGK 3.00 berbanding 32.47 peratus sebelum ini.

Tahun lalu, 37,837 atau 60.93 peratus

calon peperiksaan STPM adalah Bumiputera, 18,741 atau 30.18 peratus Cina, 4,750 atau 7.65 peratus India dan 772 atau 1.24 peratus kaum lain.

Dzulkifli berkata, jurang prestasi antara calon bandar dan luar bandar dalam kedua-dua aliran sains serta sastera juga masih ketara dengan 13.71 peratus calon bandar mendapat 5A, 4A dan 3A berbanding 4.62 peratus calon luar bandar.

Bagi pencapaian keputusan 5A, 4A dan 3A, calon bandar aliran sains mencatat 16.94 peratus berbanding calon luar bandar 6.85 peratus, manakala bagi aliran sastera, 10.96 peratus calon bandar berbanding 4.29 peratus calon luar bandar mencatat keputusan itu.

● Sekitar keputusan STPM di muka 14, 16, 17 dan 18

LIHAT MUKA 3

BH 12-83-2007 M/S 3

6 subjek catat peningkatan

DARI MUKA 1

Beliau berkata, usaha merapatkan jurang prestasi itu perlu diberi tumpuan. Antara faktor yang mungkin mempengaruhi keadaan itu ialah dari aspek kemudahan, infrastruktur dan tenaga pengajar.

Dari segi prestasi calon mengikut mata pelajaran pula, 13 subjek dianggap tidak berubah kerana perubahan pencapaian calon kurang daripada tiga peratus dan disifatkan sebagai biasa.

Subjek itu ialah Pengajian Am, Bahasa Melayu, Bahasa Tamil, Syariah, Geografi, Pengajian Perniagaan, Sejarah, Ekonomi, Matematik S, Matematik T, Kimia, Biologi dan Seni Visual.

Enam subjek mencatat peningkatan prestasi, iaitu Bahasa Cina, Literature in English, Kesusasteraan Melayu, Perakaunan, Fizik dan Sains Su-

kan, manakala empat mata pelajaran lain menurun, iaitu Bahasa Arab, Usuluddin, Pengkomputeran serta Matematik T Lanjutan.

Mengenai penggunaan bahasa Inggeris dalam jawapan bagi subjek Sains dan Matematik, Dzulkifli berkata, kertas soalan tujuh subjek disediakan dalam dwibahasa, iaitu Matematik S, Matematik T, Matematik T Lanjutan, Pengkomputeran, Fizik, Kimia dan Biologi.

Beliau berkata, 91.9 peratus calon menjawab dalam bahasa Inggeris sepenuhnya dalam peperiksaan kali ini, meningkat 6.3 peratus berbanding 85.6 peratus pada 2006, 80.4 peratus (2005) dan 80.3 peratus (2004).

"Pengajaran dan pembelajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris didapati tidak menjejaskan pencapaian calon dalam peperiksaan STPM," katanya.